

BAB LIMA

RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

BAB LIMA

Rumusan, Perbincangan, Cadangan Dan Implikasi

Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Modul Pengajaran Ayat Pasif dalam pengajaran pemelajaran *Ayat Pasif* bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan dua. Kajian ini juga bertujuan menguji kesesuaian Kaedah Pengajaran Bermodul bagi *Ayat Pasif* bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Berikut dirumuskan beberapa dapatan penting yang telah diperoleh dalam kajian ini :-

- (a). Terdapat perbezaan yang signifikan pada paras 0.05 dalam pencapaian *Ayat Pasif* praujian dengan pascaujian bagi para pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul berbanding dengan para pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional.
- (b). Terdapat perbezaan yang signifikan pada paras 0.05 dalam pencapaian *Ayat Pasif* pascaujian berbanding dengan praujian bagi para pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul.
- (c). Beza min pencapaian praujian dengan pascaujian *Ayat Pasif* bagi Kumpulan Eksperimen ialah 10.89 manakala beza min pencapaian praujian dengan pascaujian *Ayat Pasif* bagi Kumpulan Kawalan pula ialah 4.20. Ini menunjukkan terdapatnya peningkatan pencapaian *Ayat Pasif* pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul sebanyak dua setengah kali ganda

lebih tinggi berbanding dengan peningkatan pencapaian *Ayat Pasif* pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional.

Hasil kajian ini telah menunjukkan ada tanda-tanda Kaedah Pengajaran Bermodul adalah lebih berkesan berbanding dengan Kaedah Pengajaran Tradisional. Justeru itu, kemungkinan adalah lebih baik sekiranya guru-guru mengubah kaedah pengajaran mereka untuk mengeluarkan hasil pengajaran pembelajaran yang maksimum.

Perbincangan

Modul Pengajaran *Ayat Pasif* adalah modul yang direka khas untuk guru yang membolehkan guru mengajar *Ayat Pasif* dengan lebih berkesan. Modul pengajaran untuk guru merupakan bahan pengajaran yang dilengkapi dengan matlamat, objektif, isi kandungan mata pelajaran, strategi dan gerak kerja serta cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut. Modul pengajaran memuatkan semua maklumat untuk membolehkan guru mengajar dan pelajar belajar dengan lebih berkesan. Selain itu, modul ini mengandungi strategi-strategi, tindakan-tindakan dan gerak kerja yang boleh diselenggarakan oleh guru bersama-sama dengan cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut.

Kajian ini bertujuan melihat sama ada Kaedah Pengajaran Bermodul boleh menghasilkan pencapaian *Ayat Pasif* bahasa Melayu yang lebih baik dalam konteks sistem sekolah di Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan ada tanda-tanda keberkesanan Kaedah Pengajaran Bermodul dalam pengajaran pembelajaran *Ayat Pasif* bahasa Melayu. Para pelajar yang mengikuti Kaedah

Pengajaran Bermodul dalam memelajari *Ayat Pasif* telah menunjukkan peningkatan pencapaian yang tinggi iaitu mencatat min markah sebanyak 18.79 dalam pascaujian *Ayat Pasif* berbanding dengan min markah 7.90 dalam praujian *Ayat Pasif*. Perbezaan min markah bagi pencapaian *Ayat Pasif* praujian dan pascaujian bagi pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul ialah sebanyak 10.89. Perbezaan ini menunjukkan terdapat peningkatan positif dalam pencapaian pascaujian *Ayat Pasif* bagi kumpulan pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa sungguhpun para pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional juga menunjukkan peningkatan pencapaian *Ayat Pasif* dalam pascaujian namun kadar peningkatan tersebut adalah rendah. Min markah bagi pascaujian *Ayat Pasif* adalah 10.40 manakala min markah praujian *Ayat Pasif* adalah 6.20. Perbezaan min markah bagi pencapaian *Ayat Pasif* praujian dengan pascaujian bagi pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional ialah sebanyak 4.20 sahaja.

Hasil kajian ini telah membayangkan ada tanda-tanda Kaedah Pengajaran Bermodul adalah lebih berkesan berbanding dengan Kaedah Pengajaran Tradisional. Beza min bagi pencapaian *Ayat Pasif* pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul adalah dua setengah kali ganda lebih tinggi berbanding dengan beza min bagi pencapaian *Ayat Pasif* pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional.

Kajian ini juga menunjukkan perbezaan pencapaian *Ayat Pasif* di antara pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul berbanding dengan Kaedah Pengajaran Tradisional. Min markah pascaujian *Ayat Pasif* pelajar

yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul adalah 8.39 lebih tinggi berbanding dengan min markah pascaujian *Ayat Pasif* bagi pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional.

Pada keseluruhannya, dapatan-dapatan yang diperolehi dalam kajian ini mempunyai kepentingan dari segi:-

- (a). mengenal pasti masalah-masalah pengajaran pemelajaran *Ayat Pasif* bahasa Melayu di kalangan pelajar dan seterusnya membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka.
- (b). membantu guru-guru dalam pemilihan alternatif seperti pengajaran bermodul dalam usaha mereka meningkatkan tahap pencapaian di kalangan pelajar.
- (c). menggalakkan amalan pendekatan pengajaran yang sistematik secara meluas di sekolah-sekolah menengah.
- (d). memperlihatkan pentingnya suatu pengajaran itu berlandaskan kepada model yang efektif atau teori pemelajaran yang sistematik.

Cadangan

Dalam kajian ini, penyelidik hanya menumpukan perhatian kepada mengkaji keberkesanan Modul Pengajaran *Ayat Pasif*. Modul Pengajaran *Ayat Pasif* dalam kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada:

- (a). *Ayat pasif* dengan kata ganti nama diri orang ketiga dan *ayat pasif songsang* dengan kata ganti nama diri orang ketiga (Modul Set 1 dalam Lampiran B);
- (b) *Ayat pasif* dengan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua dan

ayat pasif songsang dengan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua (Modul Set 2 dalam Lampiran C); dan

(c). Ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga dan ayat pasif songsang dengan kata ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga. (Modul Set 3 dalam Lampiran D).

Dalam Tatabahasa Dewan (Nik Safiah et.al., 1995) yang menjadi pegangan kepada bahasa Melayu, Nik Safiah Karim telah membahagikan ayat pasif kepada:-

- (a). ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif
- (b). ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama dan kata ganti nama diri orang kedua
- (c). ayat pasif dengan perkataan *kena* yang hadir sebelum kata kerja.

Penyelidik telah menyediakan Modul Pengajaran Ayat Pasif berdasarkan buku pegangan Tatabahasa Dewan oleh Nik Safiah Karim (1995), cuma penyelidik telah menjurus kepada bahagian-bahagian tertentu *Ayat Pasif* sahaja. Contohnya :-

- (a). Bagi ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif, penyelidik telah mengambil imbuhan *di-* dan meninggalkan imbuhan *ter-*, imbuhan *ber-* dan juga imbuhan *ke-...-an*.

Ini adalah kerana penyelidik telah menggunakan imbuhan *di-* dalam menerangkan ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang ketiga. Maka dengan ini dicadangkan jika dijalankan kajian lanjut, adalah lebih baik memasuk kesemua imbuhan tersebut supaya lebih lengkap dan sempurna.

Dengan cara ini pelajar akan mengetahui dan memahami bahawa ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif bukan sahaja menerima imbuhan *di-* malah ia juga boleh menerima imbuhan *ter-*, *ber-* dan *ke-...-an*.

(b). Bagi ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua, penyelidik telah mengemukakan keseluruhan aspek ayat pasif bagi bahagian ini.

Sekiranya, ada penyelidik yang ingin meneruskan kajian ini, adalah dicadangkan supaya memberikan lebih banyak contoh kata ganti nama diri orang pertama dan kedua baik berbentuk penuh mahupun singkatan dan juga kata ganti nama diri orang pertama dan kedua berbentuk tunggal dan juga jamak.

(c). Bagi ayat pasif dengan perkataan *kena* yang hadir sebelum kata kerja, penyelidik langsung tidak menyentuh bahagian ini.

Oleh itu, adalah dicadangkan dalam kajian selanjutnya dimasukkan juga bahagian ayat pasif dengan perkataan *kena* yang hadir sebelum kata kerja supaya kajian ayat pasif menjadi lebih sempurna dan mantap secara keseluruhan. Ayat pasif dengan perkataan *kena* yang hadir sebelum kata kerja merupakan struktur ayat pasif yang unik yang seharusnya diberi perhatian oleh pengguna bahasa Melayu terutamanya guru dan juga pelajar.

Selain itu, adalah dicadangkan supaya kajian ini dijalankan ke atas jumlah sampel yang lebih besar dan melibatkan lebih banyak sekolah di seluruh negara. Kajian yang dijalankan dengan jumlah sampel yang besar boleh menjamin keesahan kajian. Ini adalah supaya hasil kajian itu nanti dapat

digeneralisasikan kepada semua sekolah di negara ini. Adalah dicadangkan juga kajian ini dijalankan ke atas sampel kajian yang pelbagai peringkat pencapaian untuk melihat sama ada modul pengajaran tersebut sesuai untuk semua peringkat pencapaian pelajar. Kajian yang dijalankan ke atas sampel kajian yang pelbagai peringkat pencapaian akan dapat mengenal pasti kesesuaian penggunaan Kaedah Pengajaran Bermodul *Ayat Pasif* bahasa Melayu.

Penyelidik ingin menarik perhatian bahawa dalam Modul Pengajaran *Ayat Pasif*, terdapat satu bahagian penting yang tidak dikemukakan oleh Nik Safiah Karim di dalam Tatabahasa Dewan iaitu *Ayat Pasif Songsang*. Adalah penting pengguna bahasa Melayu terutamanya guru dan juga pelajar menyedari, mengetahui dan memahami bahawa ayat pasif songsang adalah satu bentuk struktur ayat yang terdapat di dalam sistem ayat bahasa Melayu. Pengguna bahasa Melayu tidak patut mengabaikan atau menganggap struktur ayat pasif songsang itu salah. Oleh itu, penyelidik telah memasukan ayat pasif songsang ke dalam kesemua modul pengajaran dalam kajian ini. Adalah diharapkan kajian selanjutnya dapat mengembangkan lagi ayat pasif songsang ini dan tidak membiarkannya pupus dari sistem ayat bahasa Melayu.

Pada keseluruhannya, adalah diharapkan kajian lanjutan dapat dijalankan kerana terdapat sangat sedikit kajian yang telah dijalankan ke atas ayat pasif yang dibuat dalam bentuk modul pengajaran mahupun modul pembelajaran. Adalah penting untuk memasukkan kesemua ciri-ciri ayat pasif ke dalam modul pengajaran ayat pasif supaya ia menjadi suatu modul pengajaran yang lebih lengkap, mantap dan sempurna.

Implikasi

Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian *Ayat Pasif* praujian dan pascaujian bagi para pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul berbanding dengan para pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional. Selain itu dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian *Ayat Pasif* pascaujian berbanding dengan praujian bagi para pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul

Dapatan kajian ini telah menunjukkan ada tanda-tanda Kaedah Pengajaran Bermodul berkemungkinan lebih berkesan berbanding dengan Kaedah Pengajaran Tradisional. Kajian ini memberi implikasi kepada:

Guru. Dapatan kajian ini memberikan petunjuk bahawa ada kemungkinan guru boleh menggunakan Kaedah Pengajaran Bermodul dalam pengajaran, baik pengajaran bahasa Melayu mahupun mata pelajaran lain. Namun begitu, guru seharusnya peka terhadap keperluan pelajar yang berbeza serta berusaha mereka ganti modul pengajaran agar bersesuaian dengan kumpulan sasaran pelajar. Selain itu guru perlulah inisiatif, inovatif dan kreatif dalam menyampaikan pelajaran kepada pelajar dengan pelbagai kaedah yang bersesuaian.

Penyelidik lain. Dengan berdasarkan kajian ini, penyelidik lain mungkin dapat menjalankan penyelidikan selanjutnya dalam Kaedah Pengajaran Bermodul baik untuk mata pelajaran Bahasa Melayu mahupun mata pelajaran lain. Selain itu, mungkin ada penyelidik yang berminat untuk

menjalankan penyelidikan lanjutan yang lengkap bagi Kaedah Pengajaran Bermodul *Ayat Pasif* yang merangkumi kesemua ciri-ciri ayat pasif.

Penerbit buku. Penerbit buku mungkin berminat untuk menerbitkan buku yang mengandungi Kaedah Pengajaran Bermodul bagi mata pelajaran Bahasa Melayu ataupun mana-mana mata pelajaran yang difikirkan sesuai diajar menggunakan Kaedah Pengajaran Bermodul. Penerbit buku perlu peka terhadap keperluan guru yang mengingini kaedah dan bahan pengajaran yang menarik. Kaedah Pengajaran Bermodul merupakan salah satu kaedah pengajaran yang mungkin menarik minat ramai guru.

Pada keseluruhannya, terdapat kemungkinan Kaedah Pengajaran Bermodul ini dikembangkan pada masa hadapan jika mendapat sokongan padu dari guru, penyelidik dan juga penerbit buku. Namun begitu, perlulah diberi perhatian bahawa tiada kaedah pengajaran yang paling baik dan berkesan dalam semua keadaan bagi semua aspek. Justeru itu, terpulanglah kepada pengguna Kaedah Pengajaran Bermodul untuk melakukan sebarang pengubahsuaian yang difikirkan sesuai dengan keperluannya.